

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

YAM 101 - Pengantar Komunikasi Manusia

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja, sumbangan setiap soalan adalah 25 markah.

1. (a) Apakah perbezaan di antara dyad peralatan (instrumental dyad) dengan consummatory dyad?
(b) Adakah dyad peralatan merangkumi komunikasi consummatory. Terangkan.
(c) Adakah aspek-aspek komunikasi peralatan terdapat di dalam dyad consummatory? Jelaskan. Huraikan jawapan anda berserta contoh-contoh.
(25 markah)
2. Dengan menggunakan "Johari Window", terangkan bagaimana proses "self-disclosure" boleh digunakan bagi menambahkan pengetahuan tentang diri kita. Apakah faedah-faedah yang boleh didapati daripada "self-disclosure"?
(25 markah)
3. Bandingkan dan bezakan unsur-unsur yang terdapat di dalam komunikasi kumpulan kecil (small group) dengan komunikasi diadik (dyadic communication).
(25 markah)
4. Apakah yang diertikan dengan komunikasi organisasi (organizational communication)? Terangkan bagaimana kehilangan maklumat berlaku di dalam sesuatu organisasi dan bagaimana masalah seperti ini boleh diatasi.
(25 markah)

5. Apakah erti "Jalinan" (network) di dalam komunikasi kumpulan kecil? Bincangkan 4 (empat) jenis "jalinan" komunikasi seperti jalinan Y "Roda" (wheel) atau "jalinan rantai" network) daripada sudut pandangan yang berikut:-
- (a) gaya kepimpinan
 - (b) penyertaan
 - (c) kepaduan (cohesiveness) dan
 - (d) keupayaan untuk mengendalikan jenis tugas yang mana sesuai
- (25 markah)
6. Terangkan dengan contoh-contoh erti "kejutan budaya" (culture shock)? Mengapa dan bagaimana ia boleh terjadi? Apakah nasihat yang boleh anda berikan kepada seseorang yang akan pergi belajar ke luar negeri mengenai cara yang terbaik bagi menghindari "kejutan budaya"?
- (25 markah)
7. Apakah pendapat anda mengenai perbezaan utama di antara sistem dan konsep masa yang dipegang oleh orang Malaysia berbanding dengan konsep yang dipegang oleh orang Amerika?
- (25 markah)
8. Pilih dan bincangkan mana-mana 2 (dua) falasi di dalam hujah yang tidak sah (invalid argument) dan mana-mana 2 (dua) falasi di dalam hujah yang sah (valid argument)?
- (25 markah)
9. Bandingkan dan bezakan ciri-ciri komunikasi verbal dengan komunikasi tidak verbal. Mengapakah orang ramai secara umum merasakan isyarat (cues) tidak verbal lebih merupakan gambaran sebenar mengenai perasaan?
- (25 markah)